



SIARAN MEDIA

MEXCOE PLATFORM KOMITMEN PELBAGAI PIHAK TANGANI CABARAN ALAM SEKITAR

Kerajaan menyokong aspirasi Malaysia ke arah ekonomi kitaran yang lebih mesra alam dan lestari dengan menerajui dan mengutamakan penggunaan baja organik yang dihasilkan daripada biopepejal.

Biopepejal ini merupakan produk hiliran yang terhasil daripada loji rawatan kumbahan awam yang diuruskan oleh Indah Water Konsortium Sdn Bhd. Baja organik ini akan digunakan untuk tanaman bukan makanan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terpilih sebagai langkah awal sebelum penggunaannya diperluaskan secara berperingkat.

Komitmen ini diputuskan dalam Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang Bertanggungjawab Mengenai Alam Sekitar (MEXCOE) Bilangan 2 Tahun 2025 pada 6 Oktober 2025 (Isnin) lepas di Kuala Lumpur.

Mesyuarat yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) itu dipengerusikan oleh Menteri Perladangan dan Komoditi Memangku Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Seri Johari Abdul Ghani.

Dalam masa yang sama, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melaksanakan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kepada Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan Dan Perbadanan) 2025 yang telah diwartakan pada 7 Julai 2025 dan mula berkuat kuasa pada 8 Julai 2025.

Perintah ini digubal bertujuan untuk memperkukuh, memperkasa dan menyelaraskan semula enam perintah perwakilan kuasa sedia ada dengan mengambil kira pertambahan dan perluasan perwakilan kuasa daripada peringkat penyiasatan sehingga ke peringkat tindakan susulan penguatkuasaan seperti pengeluaran tawaran kompaun dan pendakwaan kes. Penggubalan baharu perintah perwakilan kuasa ini akan menggandakan usaha JAS dalam menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan seterusnya menggembleng tenaga dalam usaha memerangi jenayah alam sekitar.

Sementara itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Sumber Manusia juga telah memaklumkan mengenai penerbitan *Guidelines for Asbestos Removal 2017* yang menjadi rujukan utama bagi memastikan kerja-kerja pembuangan, pengendalian dan pelupusan asbestos di Malaysia dijalankan secara

selamat dan sihat. Garis panduan ini amat penting untuk dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat bagi mengawal pendedahan kepada gentian asbestos yang terlepas ke udara semasa aktiviti pembuangan yang boleh menyebabkan penyakit serius dan kronik yang memberi kesan jangka panjang terhadap kesihatan pekerja dan orang awam.

Bagi Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) pula, ia membangunkan teknologi peranti (sensor) yang boleh digunapakai oleh agensi teknikal di peringkat dua (2) negeri yang berkepentingan di takat pelepasan efluen pembalakan, perlombongan, pengkuarian, perladangan dan pembangunan bagi membolehkan pemantauan berterusan terhadap aktiviti tersebut secara masa nyata dan lebih berintegriti. Penggunaan teknologi peranti (sensor) bukan sahaja mempercepatkan pengesanan pencemaran, malah membolehkan tindakan awal diambil sebelum pencemaran menjadi kritikal.

MEXCOE dianggotai oleh Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri yang memegang portfolio berkaitan alam sekitar dari seluruh Negara serta pegawai-pegawai Kementerian/ Jabatan/ Agensi yang berkaitan alam sekitar di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menghadiri mesyuarat tersebut.

MEXCOE penting sebagai platform penyatuan visi dan usaha pelbagai pihak dalam menangani cabaran alam sekitar. Ia memupuk dialog konstruktif, perkongsian idea dan penyelarasan strategi antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri, sekali gus menjadi landasan bagi tindakan yang lebih berkesan dan inklusif demi kesejahteraan rakyat serta kelestarian negara.

NRES yakin melalui mesyuarat ini akan membawa impak positif kepada ekosistem negara, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dalam menangani cabaran alam sekitar global.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
7 OKTOBER 2025

